

BAHAGIAN INDUSTRI ASAS TANI & BUKAN PADI,
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA),
TINGKAT 1 & 2, MENARA PELADANG, JALAN TELOK WANJAH,
05200 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN.
TELEFON : 04-7312743 / 04-7335385 FAX : 04-7309355

**KENYATAAN TAWARAN
SEBUT HARGA BEKALAN / PERKHIDMATAN**

**SEBUT HARGA NO. MADA
BIAT & BP 1 / 2018 (JADUAL KADAR)**

1. Sebut harga daripada petender tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang 110201 (Jentera Berat) atau 070303 (Peralatan Dan Kelengkapan Pertanian/Ternakan/Akuatik) akan diterima di Pejabat Pengarah Bahagian Industri Asas Tani & Bukan Padi, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada), Tingkat 1 & 2, Menara Peladang, Jalan Telok Wanjah, 05200 Alor Setar, Kedah hingga tutup tawaran jam 12.00 tengah hari pada 25/01/2018 (KHAMIS) untuk:-

Tajuk Sebut Harga : **Membekal, Menghantar, Menguji Dan Menjayajalankan Variable Chamber Round Baler Yang Baru.**

2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran boleh didapati di Pejabat seperti alamat di atas pada waktu dan hari bekerja.
3. Petender yang ingin mengambil bahagian dalam tawaran ini dikehendaki membawa bersama **SURAT PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dan **SURAT AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BERTARAF BUMIPUTERA** (ji ka berkaitan) yang asal untuk pemeriksaan dan sertakan sesalinan fotostat surat pendaftaran tersebut kepada pegawai yang mengeluarkan dokumen sebut harga.
4. Petender mestilah mengemukakan **TAWARAN HARGA** dan **TAWARAN TEKNIKAL** di dalam **DUA (2) SAMPUL SURAT BERASINGAN YANG BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam **SATU (1) SAMPUL SURAT UTAMA BERLAKRI** dengan menulis nombor sebut harga tersebut pada ketiga-tiga sampul surat tersebut, kemudian dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** yang disediakan di Pejabat seperti alamat di atas, sebelum daripada waktu tutup penerimaan sebut harga ini.
5. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

(RUSLAN ABDUL SHANI BIN AHMAD)
Pengarah Bahagian Industri Asas Tani & Bukan Padi,
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda.